

COVID-19 Membawa Perubahan Dalam Dunia Pendidikan

Sayang Elyiana Amiera binti Helmey A20EC0143

Abstrak

Nelson Mandela suatu masa dahulu pernah berkata, “Pendidikan adalah senjata paling ampuh untuk mengubah dunia,” (Danartikanya, 2020). Para pendidik dan semua pemimpin pendidikan di Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bertanggungjawab dalam mendidik dan melahirkan pemimpin negara yang berjaya demi memastikan matlamat pendidikan dapat dilestarikan. Pelbagai isu berkaitan dengan dunia pendidikan timbul apabila pandemic COVID-19 melanda negara dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan. Penulisan ini bertujuan untuk mengupas isu yang berlaku dalam dunia pendidikan ketika pandemik, kesan isu kepada masyarakat dan peranan pelbagai pihak dalam menyelesaikan isu ini. Beberapa saranan dan cadangan yang boleh diambil tindakan bagi memastikan matlamat pendidikan KPM dapat dicapai.

Pendahuluan

Pada bulan Disember 2019, seluruh dunia digemparkan dengan kemunculan pandemik COVID-19 yang bermula dari Wuhan, China dan kebanyakan negara telah mengisytiharkan darurat serta penutupan dan penyekatan untuk mencegah virus ini daripada merebak secara meluas. Malaysia juga tidak terkecuali untuk mengisytiharkan PKP sejak 18 Mac 2020 hingga 31 Disember 2020. Walaubagaimanapun, setelah lebih 12 bulan pandemik ini tercusus, kita masih belum dapat melihat penghujung dari perjalanan ini. Banyak sektor dan pihak terjejas akibat pandemik ini termasuklah sektor kesihatan, perniagaan dan pendidikan. Walaupun bimbang dengan penyebaran

virus tersebut, KPM telah mengeluarkan kenyataan dan garis panduan untuk menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran secara atas talian setelah beberapa minggu PKP bermula. Hal ini demikian kerana, para pelajar tetap perlu meneruskan dan mengikuti sesi pembelajaran walaupun persekitaran pendidikan telah berubah.

Terdapat banyak platform yang boleh digunakan untuk pembelajaran secara atas talian seperti Skype, Zoom, Google Meet dan Cisco Webex. Namun, memandangkan populariti pembelajaran atas talian semakin meningkat, sebilangan besar masyarakat terutamanya masih berprasangka dan sengaja menjauhkan diri dari kaedah pembelajaran tersebut kerana tidak biasa dan kelihatan sukar. Pada masa yang sama, ketika meningkatnya penggunaan pembelajaran secara atas talian, para pendidik sedang berjuang dan berusaha memperkenalkan cara alternatif yang untuk memastikan pelajar tidak ketinggalan untuk mengikuti kelas. Kaedah pembelajaran secara atas talian ini kelihatan efektif apabila para pelajar dan pendidik dapat meneruskan pembelajaran walau di mana sahaja mereka berada dengan hanya memerlukan telefon pintar atau komputer riba beserta rangkaian internet yang stabil. Jika dilihat pada sisi lainnya, bagi pelajar dan keluarga tertentu, pembelajaran pembelajaran secara atas talian membebankan mereka akibat masalah kekangan wang untuk membiayai bil penggunaan internet dan penggunaan telefon pintar atau komputer riba yang terhad bagi mereka yang mempunyai anak yang ramai. Maka timbulnya satu isu baharu dalam perlaksanaan pembelajaran secara atas talian.

Perbincangan Isu Kajian Dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan

Menurut Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), pendidikan di Malaysia adalah satu usaha yang berterusan ke arah mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu

untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan (Falsafah Pendidikan Kebangsaan, n.d.). Namun, dalam keadaan pandemik yang melanda, kerajaan perlu mengambil langkah baharu yang tidak tersasar daripada FPK demi pembangunan pendidikan yang berjaya. COVID-19 ternyata membawa perubahan dalam dunia pendidikan apabila kaedah pembelajaran secara atas talian yang tidak pernah digunakan di Malaysia selama ini diaplikasikan demi melahirkan warganegara yang berguna dan berkualiti. Secara teorinya, kaedah pembelajaran baharu ini adalah tidak mustahil dalam era Revolusi Industri (IR) 4.0 kerana semuanya berada di hujung jari. Penggunaan teknologi yang kian berkembang wajar diaplikasikan dalam bidang pendidikan. Dengan ini, Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bertujuan untuk memahami pendidikan dalam konteks yang betul serta menganalisis konsep dan istilah pendidikan dapat diimplementasikan sekaligus meneruskan usaha berterusan kearah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu.

Punca Berlakunya Isu

Isu mula timbul apabila berdasarkan kaji selidik yang dijalankan oleh KPM, terdapat beberapa golongan pelajar dan pendidik yang mengalami masalah kekangan akses internet dan penggunaan peranti lain untuk tujuan pembelajaran. Keadaan ini terbukti apabila statistik menunjukkan hampir 80% pelajar sekolah menengah mempunyai telefon pintar untuk mengikuti pembelajaran secara atas talian dan diikuti 36% pelajar sekolah rendah. Manakala hanya sekitar 14% daripada mereka yang memiliki peranti lain seperti komputer riba dan tablet (Ismail, 2020). Namun persoalannya, adakah semua pelajar yang memiliki telefon pintar dan peranti lain mempunyai akses internet yang stabil dan kuat untuk mengikuti sesi pembelajaran? Ramai antara mereka dan ibu bapa yang mengeluh kerana dua masalah ini. Walaupun Kementerian Pelajaran

Tinggi (KPT) telah memberikan bantuan data percuma kepada mahasiswa di peringkat pendidikan tinggi, namun masih tiada tindakan dan bantuan daripada kerjaan yang dilakukan untuk pelajar sekolah menengah dan rendah. Perkara ini terbukti bahawa sistem pendidikan negara kita masih belum bersedia untuk menghadapi kaedah pembelajaran yang pelbagai.

Selain itu, penggiatan penggunaan teknologi juga menjadi satu cabaran pada dunia pendidikan ketika pandemik. Dalam era teknologi yang kian membangun, pemimpin pendidikan bertanggungjawab dalam menyelaraskan pengaplikasian kemahiran teknologi dalam dunia pendidikan. Kemahiran ini memerlukan daya pemikiran yang kreatif dan inovatif oleh banyak pihak sama ada para pendidik, pelajar, keluarga maupun pihak kerajaan sendiri. Persediaan infrastruktur yang lengkap menjadikan satu perkara yang perlu dititikberatkan apabila kaedah pembelajaran berubah. Para pendidik perlu menyediakan bahan pengajaran secara atas talian agar mudah dicapai oleh para pelajar. Fokus pembelajaran juga berubah apabila guru tidak lagi boleh memantau dan menilai perkembangan pelajar secara bersemuka serta hanya bergantung pada sesi pembelajaran secara atas talian yang dijalankan melalui platform yang sedia ada. Komunikasi yang berkesan antar pendidik dan pelajar pastinya terganggu sekaligus mengakibatkan mesej yang tidak sampai.

Kesan Kepada Individu, Keluarga, Masyarakat dan Negara

Sepanjang tempoh pandemik COVID-19 berlaku, ternyata banyak pihak yang terkesan baik kepada individu, keluarga, masyarakat maupun negara. Bagi setiap individu, perubahan kaedah pendidikan adalah bukan satu perkara yang mudah untuk dipraktikkan dalam satu masa yang singkat. Dalam pada terkesan dengan kaedah pembelajaran yang baharu, individu dapat

memperoleh pengalaman menjalani pendidikan maya selain meningkatkan kemahiran penggunaan teknologi. Satu kesan positif yang dapat dilihat dalam kalangan keluarga adalah hubungan antara ibu bapa dan anak-anak dapat dieratkan. Ibu bapa boleh membantu anak-anak dalam memantau dan memberikan pelajaran di luar buku teks demi meningkatkan kemahiran berfikir anak-anak. Meskipun peningkatan penggunaan peranti dan rangkaian internet agak membebankan, namun kejayaan anak-anak menjadi keutamaan ibu bapa.

Kesan perubahan dunia pendidikan terhadap masyarakat pula adalah masyarakat dapat merefleksikan diri apa yang perlu dilakukan demi memastikan pendidikan negara tidak terputus. Pelbagai jenis bantuan daripada pihak NGO dan persendirian telah dijalankan meskipun tidak semua golongan dapat dibantu. Terdapat juga beberapa pihak *influencer* yang berbesar hati memberi pengajaran melalui medium lain seperti Youtube dan TikTok yang mana dapat dicapai dan ditonton oleh golongan muda. Jika dilihat dari sudut kesan pada negara, struktur pembelajaran pastinya perlu diubah semula mengikut keadaan sekarang tanpa lari daripada matlamat FPK dan mengekalkan kesinambungan pembelajaran. Menurut Rahayu Ahamad Bahtiar, Sham Ibrahim, Halijah Ariffin, Nor Hazimah Ismail dan Wan Mohd Khairul Wan Isa, Penggunaan pembelajaran digital dalam web Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menunjukkan peningkatan yang begitu baik sejak PKP dilaksanakan (Rahayu Ahamad Bahtiar, Sham Ibrahim, Halijah Ariffin, Nor Hazimah Ismail, Wan Mohd Khairul Wan Isa, 2020). Pihak KPM bertanggungjawab dalam memberi pendedahan baharu kepada para pendidik dalam melaksanakan kaedah pemvelajaran secara atas talian.

Cara Menangani Isu

Salah satu cara yang dapat dilakukan untuk mengatasi isu yang berlaku dalam dunia pendidikan ketika pandemik ini adalah memperluaskan penggunaan saluran televisyen untuk slot pendidikan bagi semua tahap pelajaran. Para pendidik boleh bekerjasama dengan pihak syarikat penyiaran dan penerbitan untuk mengadakan pembelajaran secara digital iaitu melalui televisyen mahupun radio. Sebagaimana yang diketahui, silibus pengajaran bagi pelajar sekolah menengah dan rendah adalah selaras dan majoriti subjek. Di samping penayangan hiburan, slot pendidikan ini pasti dapat membantu para pelajar yang tidak dapat mengikuti sesi pembelajaran secara langsung dengan guru mereka dapat mengejar dan memahami semula subjek atau topik yang mereka ketinggalan. Perkara ini sudah pastinya mengurangkan beban bagi pelajar yang terpaksa mengalah kepada adik-beradik yang lain untuk mengikuti sesi pembelajaran secara atas talian.

Selain itu, penyediaan pelan internet yang bersesuian dengan keadaan dan golongan keluarga yang kurang berkemampuan juga boleh disediakan oleh pihak syarikat-syarikat telekomunikasi seperti TM, Celcom, Digi dan agar semua pelajar dapat mengikuti pembelajaran secara atas talian tanpa sebarang masalah rangkaian internet. Bantuan pelan internet dan peranti komunikasi juga mungkin boleh diberikan kepada keluarga yang kurang berkemampuan dan mempunyai anak yang ramai sekaligus mengurangkan bebanan mereka ketika menghadapi krisis pandemik ini. Pembabitan menghulurkan bantuan ini bukanlah dipertanggungjawabkan oleh pihak syarikat telekomunikasi sahaja, malah pihak kerajaan, Badan Bukan Kerajaan (NGO), usahawan dan sebagainya perlu berganding bahu dalam mengurangkan bebanan masyarakat. Satu contoh uang boleh diambil daripada seorang pendakwah dan usahawan berjaya, Ustaz Ebit Lew yang dapat dilihat usahanya yang bertungkus-lumus membantu golongan yang kurang berkemampuan dari awal pandemik. Meskipun ada pihak yang kurang senang dengan tindakkannya, namun beliau

tidak putus menghulurkan bantuan dengan menghiraukan pandangan negatif orang lain. Usaha beliau ini wajar dijadikan contoh yang baik kepada golongan yang berkemampuan khususnya pihak kerajaan dan usahawan lain untuk tidak duduk diam melihat kesengsaraan masyarakat dalam mendepani cabaran dunia pendidikan ketika pandemik.

Terdapat beberapa saranan daripada Jabatan Pembangunan Staf, Institut Aminuddin Baki, KPM yang boleh dijadikan persediaan kepada mereka yang terlibat dalam dunia pendidikan bagi memenuhi keperluan masa hadapan agar isu dan permasalahan pendidikan ketika menghadapai isu pandemik dapat diharungi dengan baik. Pertamanya, kompetensi para pemimpin dan pendidik dari aspek sikap, kemahiran dan pengetahuan perlu dipertingkatkan dan diperbaharui mengikut peredaraan zaman. Kedua, pasukan ERT (emergency response team) dan tindakan pemulihan perlu diperincikan dan tersedia. Ketiga, perlindungan insuran perlu disediakan secara menyeluruh khususnya dari aspek bencana dan perkara yang tidak dapat diramal. Keempat, penyelidikan yang berimpak tinggi dan merentas ilmu pendidikan perlu diselaraskan. Kelima, penerokaan kepelbagaian alternatif dalam penyampaian maklumat dan pengetahuan perlu dilaksanakan dan yang terakhir, membangunkan pembangunan teknologi matlumat dan komunikasi dalam aspek AI (*artificial intelligence*) serta IR4.0 (Rahayu Ahamad Bahtiar, Sham Ibrahim, Halijah Ariffin, Nor Hazimah Ismail, Wan Mohd Khairul Wan Isa, 2020).

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pandemik virus COVID-19 ternyata jelas memberi impak yang besar kepada pendidikan negara. Semua lapisan masyarakat yang terlibat perlu menjalani perubahan 360 darjah dari kaedah pendidikan yang telah dijalankan selama ini agar Pendidikan

negara masih boleh dijalankan dengan lancar seiring dengan FPK. Meskipun ada pihak yang terjejas dan masih tidak mampu untuk menyesuaikan diri dengan kaedah pembelajaran secara atas talian, pihak kerajaan, wakil-wakil NGO, dan para guru perlu mengambil langkah proaktif dalam membantu semua golongan masyarakat dapat mengikuti sesi pembelajaran yang selaras dan seimbang. Pemimpin pendidikan juga perlu peka terhadap perubahan dunia pendidikan yang kian mencabar sekarang dan memperhalusi semula cara perlaksanaan pendidikan dengan lebih efektif agar semua pelajar dapat mengikuti sesi pembelajaran dengan berkesan.

Rujukan

- 1) Awani, A. (2020, June 2). COVID-19: Pelajar ketinggalan, 'lost generation'? Malaysia. Retrieved from astro AWANI.
- 2) Danartikanya, A. (2020, June 25). *Petuah-Petuah Bijak Nelson Mandela, Motivasi untuk Tegakkan Keadilan*. Retrieved from Bola.Net: https://www.bola.net/lain_lain/petuah-petuah-bijak-nelson-mandela-motivasi-untuk-tegakkan-keadilan-1f3e53.html#:~:text=3.%20%22Pendidikan%20adalah%20senjata%20paling,bisa%20menaklukkan%20rasa%20takut%20itu.%22
- 3) *Falsafah Pendidikan Kebangsaan*. (n.d.). Retrieved from Kementerian Pendidikan Malaysia: <https://www.moe.gov.my/index.php/dasarmenu/falsafah-pendidikan-kebangsaan>
- 4) Ismail, D. H. (2020, Mei 7). *COVID-19 memangkin perubahan pendidikan*. Retrieved from Tinta Minda: <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1839515>

- 5) Rahayu Ahamad Bahtiar, Sham Ibrahim, Halijah Ariffin, Nor Hazimah Ismail, Wan Mohd Khairul Wan Isa. (2020). *PERANAN DAN CABARAN PEMIMPIN PENDIDIKAN DALAM MEMASTIKAN MATLAMAT DAN AGENDA PENDIDIKAN DILESTARI DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) COVID-19*.
- 6) Rahman, M. N. (2020, November 24). Berkesankah norma baru kelas atas talian? Kuala Lumpur, Selangor, Malaysia.
- 7) Salleh, N. F. (2020). *PANDEMIK CORONAVIRUS (COVID-19): PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN SECARA ATAS TALIAN SUATU KEPERLUAN DI MALAYSIA*. Bentong.
- 8) Shah, M. S. (2020, April 5). Mengangkat aspirasi FPK menangani impak COVID-19. Malaysia.
- 9) Yahaya, N. (2020, Disember 3). Pandemik Covid-19 ubah sistem pendidikan. Shah Alam, Selangor, Malaysia.